

# DIALOG *Ummah* KONVENTSYEN FIQH **MERENTASI SEMPADAN**



MANUSKRIPT  
PEMBENTANGAN

PADA

**18HB OKTOBER 2014**  
JAM 9 PAGI - 5.30 PTG

TEMPAT

**AUDITORIUM MDIS**  
(BERSEBELAHAN MASJID MUJAHIDIN)

Kertas Kerja 1

# FIQH MUSLIM MINORITI

*Dr Muhammad Haniff Hassan*

# FIQH MUSLIM MINORITI: SATU PENGENALAN<sup>1</sup>

Ustaz Dr. Muhammad Haniff Hassan

Zamil (Research Fellow)

Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam, Universiti Teknologi Nanyang.

## Pengenalan

Fiqh Muslim Minoriti adalah satu gagasan yang dibina atas premis minoriti Muslim menghadapi persekitaran yang berbeza dari umat Islam yang berada di negara-negara Islam. Di sebabkan perbezaan persekitaran dan realiti, minoriti Muslim memerlukan fiqh yang berbeza.

Gagasan ini juga dibina atas prinsip bahawa pengamalan Islam sememangnya perlu mengambil kira persekitaran dan realiti semasa, selain dari meraikan prinsip-prinsipnya yang tetap.

Kertas ini bukan bertujuan untuk membicarakan secara komprehensif gagasan Fiqh Muslim Minoriti tetapi hanya bertujuan;

- memberi gambaran umum tentang Fiqh Muslim Minoriti
  - apa dia Fiqh Muslim Minoriti?
  - sejarah perkembangannya (global dan tempatan)
  - asas, rasional dan hujah sandarannya dalam Islam
- memberi penjelasan terhadap salah tanggapan terhadap Fiqh Muslim Minoriti.

## Minoriti Muslim Di Dunia & Cabaran Bagi Kehidupan Agama<sup>2</sup>

Tanpa perlu melihat pada data demografi penduduk bagi gambaran tepat tentang minoriti Muslim di dunia pun, kesimpulan dapat dibuat bahawa umat Islam yang hidup sebagai kaum minoriti bukanlah sedikit tetapi berjumlah jutaan manusia.

<sup>1</sup> Kertas kerja ini dibentangkan di Dialog Ummah-Seminar Fiqh Merentasi Sempadan, 18 Oktober 2014 di Madrasah Alsagoff Al-Arabiyyah, Singapura.

<sup>2</sup> Bagi gambaran terperinci dalam persoalan ini, lihat `Adad Min Al-Mukhtassin, *Al-Jaliyat Al-Islamiyah Fi Awruha Al-Gharbiyah (Mushkilat Al-Taqlum Wa Al-Indimaj)*, Dar Al-Nafais, Beirut, 2003.

Sebilangan dari kalangan mereka pula adalah penduduk asal negara berkenaan seperti kaum berkulit putih yang memeluk agama Islam di Eropah dan Amerika.

Sebagai kaum minoriti, pastinya realiti hidup mereka berbeza dengan umat Islam yang hidup di negara Islam. Hakikat ini menuntut mereka untuk menyesuaikan amalan atau sikap dalam beragama sesuai dengan realiti yang ada dan berbeza dengan saudara-saudara mereka di negara Islam.

Hakikat ini adalah kerana amalan Islam tidak boleh dipisahkan dengan realiti dan persekitaran yang ada. Adalah tidak munasabah bagi umat Islam minoriti yang pastinya mempunyai keterbatasan tertentu dituntut untuk menyamai umat Islam yang majoriti dalam semua tanggungjawab agama.

Atas dasar inilah timbul keperluan dan gagasan bagi mewujudkan fiqh yang khusus bagi Muslim minoriti – *Fiqh Al-Aqalliyat Al-Muslimah* – kerana fenomena minoriti Muslim dalam bentuk seperti sekarang ini adalah satu fenomena yang baru. Oleh itu tidak banyak didapati pandangan ulama dahulu mengenainya. Apatah lagi, fiqh Islam umumnya ditulis oleh para ulama di zaman Islam adalah kuat dan umat Islam hampir keseluruhannya bernaung di bawah kerajaan Islam. Maka banyak perspektif dan hukum yang dihasilkan dipengaruhi oleh konteks sedemikian, yang tidak sesuai pula bagi konteks hari ini atau bagi konteks minoriti Muslim.

Persoalannya ialah apakah dasar bagi membina fiqh ini? Adakah terdapat dalam sumber rujukan Islam yang utama satu kes yang boleh dirujuk dan dikaji agar dapat dibina beberapa prinsip dan panduan bagi minoriti Muslim?

Dianggarkan minoriti Muslim membentuk 1/3 dari jumlah umat Islam di dunia. Jika penambahan umat Islam berterusan pada kadar yang dinyatakan, mereka akan menjadi jumlah yang teramai. Atas dasar itu, persoalan minoriti Muslim ini diambil perhatian yang berat oleh para sarjana dan ulama.

Muslim minoriti ini, jika dapat dimanfaatkan dengan baik akan mampu memberi sumbangan yang besar kepada Islam. Namun kewujudan mereka perlu dibantu dan sokong.

Salah satu dari usaha untuk membantu kelompok minoriti Muslim ini, di sisi sebahagian sarjana dan ulama, ialah dengan membangun fiqh yang sesuai dengan keadaan mereka, baik di peringkat prinsip umum atau masalah-masalah khusus dan cabang dalam persoalan politik, sosial, ekonomi dan lain-lain.

## Kenapa Kita Memerlukan Fiqh Bagi Muslim Minoriti?<sup>3</sup>

Fiqh Minoriti Muslim sebenarnya bukanlah semestinya satu bentuk fiqh yang 100% baru terpisah dari fiqh tradisional yang sedia ada, sehingga ia perlu ditakuti atau dicurigai.

Walaupun hakikatnya Islam menganjurkan pembaharuan dan pemikiran yang inovatif sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh tamadun Islam dahulu, yang penuh dengan idea-idea baru, ironisnya sebahagian umat Islam sentiasa mencemburui usaha pembaharuan atas alasan bid'ah atau memelihara agama dari pemikiran-pemikiran yang asing. Dengan ini apa yang dipegang oleh kebanyakan ulama bahawa apa yang didiamkan oleh syara' menunjukkan kepada hukum harus, diterbalikkan sehingga apa yang tidak ada disebut oleh syara' dilihat sebagai haram dan melakukannya boleh membawa pada bid'ah.

Situasi yang sama mungkin berlaku terhadap gagasan bagi merangka dasar-dasar Fiqh Muslim Minoriti di merata dunia. Maka sebab itulah penerangan yang betul adalah penting.

Fiqh Muslim Minoriti sebenarnya hanyalah satu cabang dari disiplin ilmu fiqh yang luas dalam Islam. Ia merujuk kepada sumber yang sama iaitu Al-Quran, sunnah, ijma' dan qiyas. Ia juga menggunakan metodologi Usul Fiqh yang sama dengan fiqh yang lain.

Namun ia mempunyai perbezaan dan sifat khusus disebabkan oleh realiti khusus yang harus dihadapi oleh minoriti Muslim di negara mana mereka berada. Perbezaan yang timbul dalam kehidupan beragama minorit Muslim dibanding dengan umat Islam yang lain bukanlah sesuatu yang bercanggah dengan dasar fiqh Islam kerana para ulama telah mengakui bahawa fatwa harus berubah disebabkan perubahan realiti, masa dan tempat, sebagaimana yang akan dinyatakan dalam bahagian lain dari kertas ini.

Contoh dibawah ini memberi gambaran akan keperluan kepada satu penyelesaian yang tersendiri bagi minoriti Muslim dalam menghadapi situasi kehidupan mereka yang khas:

<sup>3</sup> Bahagian ini diubahsuai dari artikel saya, "Kenapa Kita Memerlukan Fiqh Bagi Minoriti Muslim", *Takwin*, May-Ogos, 2003 dan kata pengantar dari buku terjemahan saya, *Fiqh Minoriti Muslim: Perspektif Dua Ulama Kontemporari*, Pustaka Nasional, Singapore, 2008.

- a. Umumnya para ulama menghukumkan bahawa seorang wanita yang memeluk Islam sedangkan suaminya tidak melakukan sedemikian, hendaklah perkahwinan mereka dibatalkan kerana wanita Islam tidak boleh berkahwin dengan lelaki bukan Islam. Hukum seperti ini pastinya akan menimbulkan kesulitan bagi wanita kulit putih yang memeluk Islam sedangkan dia masih mengasihi suaminya dan suaminya tidak menghalang dia untuk menganut Islam dan tidak pula menzaliminya. Ia juga pastinya akan menjadi hambatan bagi menarik ramai wanita Barat untuk memeluk Islam? Jika Islam itu adalah agama yang sesuai bagi setiap zaman dan tempat, maka apakah penyelesaian bagi masalah seperti ini? (Nota: Ibn Qayyim mengemukakan 9 pandangan yang berbeza oleh para ulama di antara yang membolehkan kekal dan tidak membolehkannya).
- b. Solat Jumaat adalah wajib ke atas semua lelaki Muslim pada waktu zohor. Namun terdapat minoriti Muslim di negara Barat yang jumlahnya hanya beberapa ratus sahaja di sebuah bandar. Mereka tidak mempunyai kekuatan untuk mendapatkan hak kelonggaran dan disebabkan jumlah mereka yang kecil, syarikat dan penguasa setempat tidak mempunyai alasan yang kuat bagi membenarkan pelepasan. Apakahuraian bagi mereka? Adakah mereka harus meninggalkan pekerjaan? Atau melakukan konfrontasi dengan pihak berkenaan?
- c. Cinta pada negara dan tanahair adalah sifat semulajadi manusia. Umumnya semua orang menerima bahawa keinginan untuk mempertahankan tanahair adalah satu sifat mulia. Namun bagaimanakah minoriti Muslim melakukan rekonsiliasi antara naluri ini dengan hakikat bahawa negaranya itu tidak mengamalkan sistem Islam dan pemimpin mereka bukan orang-orang Islam? Adakah seorang Cina warga Singapura yang memeluk Islam pada umur 30 tahun mesti merungkai segala semangat patriotismenya kepada negara yang telah wujud dalam dirinya sebelum ini, semata-mata kerana dia memeluk Islam? Merumitkan lagi apabila dia dihadapkan dengan persoalan *wala'* dalam agama
- d. Apakah pendirian minoriti Muslim terhadap persoalan pemerintahan? Bersama umat Islam yang lain untuk memperjuangkan penegakan negara Islam serta mencabar sistem yang ada? Atau membantu untuk menegakkan keadilan umum yang jauh dari unsur tirani, korupsi dan ketidakcepatan?
- e. Apakah pendirian minoriti Muslim mengenai undang-undang? Memperjuangkan hudud atau undang-undang sivil sedia ada?

- f. Dalam persoalan ekonomi, adakah minoriti Muslim berusaha untuk mengislamkan institusi kewangan atau menawarkan produk-produk alternatif?

Satu hakikat yang perlu difahami juga ialah fiqh yang popular hari ini sebenarnya adalah warisan para ulama dahulu yang kebanyakannya dihasilkan di zaman kegemilangan Islam - zaman dominasi kuasa politik Islam dan dalam lingkungan masyarakat Islam sebagai kaum majoriti. Walau pun ia adalah satu khazanah yang amat berharga dan kita menghormati para ulama berkenaan, namun pastinya di sana mempunyai jurang antara realiti mereka dan realiti hari ini apatah lagi realiti minoriti Muslim yang mana kewujudan mereka amat jarang di zaman itu.

Maka sebab itu, tidak semua pandangan yang popular yang dihasilkan di zaman berkenaan mesti sesuai untuk diterapkan hari ini atau diterima pakai oleh minoriti Muslim, sehingga kehidupan mereka menjadi sulit, tidak praktikal dan realistik. Ini juga menjadi faktor bagi melahirkan Fiqh Muslim Minoriti.

Jika kita meninjau sejarah, kita akan dapati sebenarnya bahawa sejarah umat Islam bukan kosong sama sekali dari kelompok minoriti Muslim. Hakikatnya Islam bermula sebagai kelompok minoriti di Mekah. Di sebabkan perbezaan realiti di Mekah maka kita dapati perbezaan syariat di zaman Mekah dan Madinah. Selain itu, sejarah Islam mencatat kehidupan sekelompok umat Islam sebagai kelompok minoriti Muslim di Habsyah.

Namun perspektif ini tenggelam dalam timbunan khazanah fiqh yang luas di zaman kegemilangan Islam yang dinyatakan di atas. Dengan itu, umat Islam terputus dari perspektif kehidupan beragama umat Islam di Mekah dan di Habsyah.

Sejarah umat Islam di Mekah dan Habsyah menunjukkan bahawa mengkonspesikan Fiqh Minoriti Muslim tidak semestinya mengasingkan Muslim minoriti dari keaslian agama mereka. Sebaliknya sejarah umat Islam di Mekah dan Habsyah memberi peluang bagi menta'silkan (memastikan keaslian) Fiqh Muslim Minoriti atas sumber-sumber Islam yang asal, bukan hanya berdasarkan pada realiti kontemporari sahaja.

Cabarannya besar hari ini ialah untuk menggali semula tradisi yang telah tertimbas itu dan merangkanya semula untuk kegunaan hari ini.

## Definisi Fiqh Muslim Minoriti

Bagi tujuan kertas kerja ini, Fiqh Muslim Minoriti merujuk pada hukum-hukum dan prinsip-prinsip fiqh Islam dalam semua aspek kehidupan Muslim (ibadah, aqidah, akhlaq, muamalah dan lain-lain) yang dirangka untuk diamalkan dalam konteks di mana masyarakat Muslim minoriti berada.

Muslim minoriti pula merujuk pada kelompok Muslim yang jumlahnya kurang dari kelompok bukan Muslim di negara-negara bukan Muslim.

Sebahagian sarjana tidak memasukkan sesuatu kelompok yang mempunyai kekuatan politik yang lebih kuat dari golongan majoriti sebagai masyarakat minoriti. Namun, pendapat ini tidak digunakan bagi tujuan kertas kerja ini kerana, 1) satu kelompok yang jumlahnya lebih sedikit tetapi mempunyai kekuatan politik tetap mempunyai keterbatasan tersendiri dalam mengamalkan agamanya, dan 2) hampir tidak diketahui mana-mana kelompok masyarakat Muslim yang jumlahnya sedikit tetapi mempunyai kekuatan politik yang besar dari kelompok majorit.

## Perkembangan Ringkas Fiqh Muslim Minoriti<sup>4</sup>

Kewujudan umat Islam di negara-negara bukan Muslim bukan baru kerana sebahagian Eropah pernah diperintah oleh khilafah Islam. Bahkan jumlah umat Islam adalah signifikan di sesetengah daerah di Eropah seperti di Bosnia Herzegovina dan Kosovo.

Namun dalam konteks perkembangan Fiqh Muslim Minoriti, penghijrahan umat Islam dari negara-negara Muslim setelah Perang Dunia II ke Eropah bagi memenuhi keperluan tenaga kerja pembangunan semula negara-negara di sana merupakan satu noktah penting.

Demikian juga gelombang penghijrahan pada tahun 60an hingga 80an ke Eropah dan Amerika Syarikat oleh umat Islam dari negara-negara Muslim kerana, 1) mencari peluang ekonomi yang lebih baik disebabkan kemunduran, dan 2) mencari perlindungan politik disebabkan penganiayaan politik oleh pemerintah-pemerintah kuku besi di negara masing-masing.

<sup>4</sup> Untuk perbahasan terperinci bagi topic ini, lihat Said Fares Hassan, *Fiqh Al-Aqalliyat: History, Development and Progress*, Palgrave Macmillan, October 2013.

Natijah dari penghijrahan ini pula ialah peningkatan aktiviti dakwah di negara-negara Barat (Eropah dan Amerika Syarikat) kerana sebahagian dari penghijrah ialah aktivis-aktivis gerakan Islam dan para ulama yang melarikan diri dari penganiayaan politik di negara mereka.

Peningkatan dakwah menatijahkan peningkatan kemasukan golongan kulit putih – penduduk asal Eropah – ke agama Islam pula.

Gabungan dari peghijrahan massa dan peningkatan jumlah muallaf dari penduduk asal Eropah menyebabkan pula:

- masalah-masalah agama yang baru disebabkan perubahan realiti
- masalah-masalah agama yang lama tapi memerlukan huraian baru kerana ketidaksesuaian pendapat yang sedia ada dalam kitab-kitab fiqh.

Setelah menangani masalah ini dalam tempoh tertentu, para ulama dan sarjana Muslim mula menyedari akan kepentingan membangun satu fiqh yang khusus, baik dari segi hukum atau metodologi, bagi golongan ini atas hujah-hujah yang akan dihuraikan dalam bahagian akan datang dari kertas kerja ini.

Usaha awal bagi memenuhi tujuan ini dapat dikesan pada akhir tahun 60an. Sheikh Yusuf Al-Qaradhawi menerbitkan buku yang bertajuk *Al-Halal Wa Al-Haram Fi Al-Islam* (Halal dan Haram Dalam Islam) yang diterjemahkan kepada beberapa bahasa. Dalam kata pengantarnya, Sheikh Al-Qaradhawi mengatakan bahawa buku ini ditulis bagi memenuhi keperluan dan atas memenuhi permintaan Muslim yang tinggal di negara-negara Barat.

Pada tahun 1978, *Institute of Muslim Minority* pula ditubuhkan yang kemudiannya menatijahkan penerbitan *Journal of Muslim Minority Affairs* pada tahun 1979 atas tujuan melakukan kajian mengenai Muslim minoriti dari pelbagai sudut, bukan hanya soal hukum fiqh semata-mata, dan membantu mereka menjalani hidup di tempat masing-masing.

Pada tahun 1990an istilah Fiqh Muslim Minoriti (*Fiqh Al-Aqalliyat Al-Muslimah*) mula muncul dan digunakan oleh ulama.<sup>5</sup> Antara karya yang berkaitan ialah:

- *Fi Fiqh Al-Aqalliyat Al-Muslimah:*  
*Hayah Al-Muslimin Wast Al-Mujatama'at Al-Ukhra* (2001) oleh Sheikh Yusuf Al-Qaradhawi, tokoh agama yang popular bermastautin di Qatar.
- *Towards a Fiqh for Minorities: Some Basic Reflections* (2003) oleh Sheikh Taha Jabir Al-'Alwani, sarjana Islam yang berhijrah ke Amerika Syarikat.

Sesuai dengan perkembangan teknologi maklumat dan internet, sebuah halaman web pula diwujudkan, iaitu islamonline.net, yang mempunyai misi khusus untuk memberi bimbingan agama bagi umat Islam di negara-negara bukan Muslim. Namun halaman ini kemudiannya diganti oleh halaman onislam.net kerana perbezaan pendapat oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam mengoperasikannya.

Pada pertengahan tahun 2000 pula muncul anjakan paradigm dari kalangan sarjana Muslim yang menetap di Barat. Anjakan menjurus ke arah integrasi umat Islam dalam masyarakat di mana mereka berada dan memperjuangkan hak mereka atas dasar persamaan (*equality*) dengan rakyat di negara masing-masing dan bukan lagi mereka sebagai kelompok minoriti yang perlu dilindungi.

Antara karya-karya yang menjurus ke arah ini ialah karya oleh Prof. Tariq Ramadan:

- *To be European Muslim* (1999)
- *Islam, the West and the Challenge of Modernity* (2001)
- *Western Muslims and the Future of Islam* (2003)
- *Radical Reform: Islamic Ethics and Liberation* (2009)

Selain dari itu ialah *Rethinking Islamic Law for Minorities: Towards a Western Muslim Identity* yang disunting oleh Jasser Audah (boleh didapati secara percuma online).

Di Singapura, wacana dan idea berkaitan Fiqh Muslim Minoriti dikesan pada tahun-tahun 1990an apabila karya-karya yang dinyatakan di atas mula tiba dan dibaca oleh asatizah tempatan.

<sup>5</sup> Lihat Tauseef Ahmad Parray, "The Legal Methodology of "Fiqh al-Aqalliyat" and its Critics: An Analytical Study", *Journal of Muslim Minority Affairs*, 32:1, ms. 88-107.

Pada awalnya, wacana dan idea ini terhad di kalangan asatizah.

Namun kesedaran untuk menyebarluaskan manfaat dari ilmu ini telah mendorong penyebarannya kepada masyarakat umum melalui penerbitan.

Penerbitan tempatan dalam konteks ini ialah:

- *Muslim.. Moderate.. Singaporean* (2003, Melayu dan Inggeris), oleh Muhammad Haniff Hassan
- *Kesederhanaan Dalam Islam Dalam Konteks Masyarakat Muslim Singapura* (2004, Melayu dan Inggeris), oleh Pergas
- *Risalah Membangun Masyarakat Islam Cemerlang* (2005, Melayu dan Inggeris), oleh Muis
- *Fiqh Minoriti Muslim: Perspektif Dari Dua Ulama Kontemporari* (2008, karya terjemahan), oleh Muhammad Haniff Hassan.

### Sandaran Syara` Bagi Fiqh Muslim Minoriti<sup>6</sup>

Fiqh Muslim Minoriti timbul dari hakikat Islam sendiri yang dinyatakan sebagai *ad-din* – satu cara hidup yang komprehensif.<sup>7</sup>

Konsep Islam sebagai *ad-din* menuntut agar ia sentiasa mampu untuk mengemukakan penyelesaian bagi masalah manusia tidak kira masa.

Fiqh Muslim Minoriti juga timbul dari hakikat Al-Quran dan sunnah sendiri yang merupakan rujukan asasi bagi umat Islam dalam apa jua permasalahan hidup mereka sepanjang zaman.

Mengenai Al-Quran, Allah taala menyatakan bahawa ia mengandungi penerangan dan panduan dalam semua perkara sebagaiman firmanNya yang bermaksud, “*Dan kami turunkan ke atasmu (Muhammad) Al-Kitab sebagai penerangan bagi segala sesuatu.*<sup>8</sup>

Para ulama menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan Al-Quran mengandungi penerangan bagi segala sesuatu ialah dari segi prinsip-prinsipnya. Ertinya Al-Quran mengemukakan segala prinsip-prinsip umum bagi manusia untuk mengatasi masalah hidup yang dihadapi oleh mereka.

<sup>6</sup> Bahagian ini disesuaikan dari kertas saya, “Contemporary Fiqh in Singapore: Some Observations”, *Islam and Civilisational Renewal*, Vol. 2, No. 4, June 2011, ms. 692-5.

<sup>7</sup> Al-Quran Al-Karim, Ali Imran: 19, 85 dan Al-Maidah: 3.

<sup>8</sup> Al-Quran Al-Karim, Al-Nahl: 89.

Fiqh ini juga timbul dari hakikat bahawa alam ini adalah *hadits* (baru). Sesuatu dinamakan *hadits* (baru) kerana ia sentiasa berubah-ubah.

Gabungan dari hakikat-hakikat ini, menuntut usaha untuk menerapkan prinsip-prinsip Al-Quran dan sunnah ke atas perkara-perkara baru yang dikenali sebagai ijihad.

Untuk berijihad dalam menyelesaikan sesuatu perkara baru, para ulama menyatakan bahawa faktor persekitaran haruslah sentiasa dalam pertimbangan.

Sheikh Al-Qaradawi menulis dalam persoalan ini:

*"Salah satu perkara yang menyebabkan ketergelinciran para mufti adalah sikap jumud [beku] dan statik pada semua pendapat-pendapat dan fatwa-fatwa yang terkandung dalam kitab-kitab fiqh lama yang sudah berusia beberapa abad lamanya. Memberikan semua jawaban-jawaban semata-mata hanya bersandarkan kepada kitab-kitab lama tersebut, tanpa mahu melihat kepada keadaan, kondisi, tempat, persekitaran dan ehwal semasa. Hal ini penting kerana perkara-perkara tersebut sentiasa berubah-ubah dari satu masa ke masa yang lain. ia tidak tinggal diam dan statik begitu sahaja sepanjang zaman."*<sup>9</sup>

Pendirian seperti ini adalah pegangan para fuqaha sejak dahulu lagi. Rasulullah s.a.w sendiri apabila menyelesaikan sesuatu permasalahan dan menjawab kemusykilan sahabatnya akan sentiasa mengambil kira keadaan orang berkenaan dan situasi yang berlaku sebab itu kadang kala didapati dalam hadits-hadits terdapat jawaban yang berbeza.

Ini dapat dilihat dari riwayat oleh imam Abu Daud dari Abu Hurairah r.a katanya "Seorang laki-laki datang kepada Rasulullah s.a.w seraya bertanya tentang hukum bersentuhan kulit (*al-mubasyarah*) dengan isterinya sedangkan ia sedang berpuasa, lalu Nabi s.a.w membolehkan perkara itu baginya. Kemudian datang lagi seorang lelaki bertanyakan perkara yang serupa, lalu Nabi s.a.w menegah dan melarangnya dari perbuatan itu. Mengapa ....? kerana lelaki yang pertama adalah seorang yang sudah sangat tua dan uzur sedangkan lelaki yang kedua adalah seorang yang muda dan gagah perkasa."<sup>10</sup>

<sup>9</sup> Yusuf Al-Qardawi, *Al-Fatwa Bayn Al-Indibat Wa Al-Tasayyub*, terdapat di <http://www.qaradawi.net/new/library2/286-2014-01-26-18-53-37/3737-> (16 September 2014).

<sup>10</sup> Ibid.

Ibn Qayyim menulis

*"Fasal dalam menerangkan perubahan fatwa mengikut perubahan tempat, zaman, keadaan dan adat kebiasaan. Fasal ini sangat penting dan besar manfaatnya dan sesiapa yang tidak memahaminya maka dia tidak akan dapat memahami syariat Islam dengan benar dan boleh menyebabkan kesusahan dan menimbulkan masyaqah disamping boleh memberatkan hamba Allah dengan perintah-perintah dan hukum hakam yang pada hakikatnya tidak bersumber dari syariat Allah taala yang maha suci."*<sup>11</sup>

Di dalam mazhab Syafi'i, kita mendapati pandangan *al-qadim* (lama) dan *al-jadid* (baru) dari imam Syafi'i yang timbul kerana perubahan persekitaran, dari Iraq ke Mesir. Atas pertimbangan yang sama ulama merangka satu kaedah fiqh, *Al-'Adah Muakkimah* (Adat Kebiasaan Menjadi Dasar Penentu Hukum).<sup>12</sup>

Oleh itu, menyesuaikan fiqh pada keadaan, dalam hal ini sifat minoriti masyarakat Muslim di negara bukan Muslim, bukanlah satu bid'ah kerana pada hakikatnya ia adalah *fiqh al-waqi'* yang telah diterimapai oleh para ulama sejak dahulu lagi.

Tambahan pula, mengambilkira realiti semasa mempunyai asas yang kuat dalam Islam kerana hujah-hujah berikut:

### **1. Islam diwahyukan kepada nabi Muhammad s.a.w secara berperingkat-peringkat.**

Sebab utama wahyu turun secara berperingkat-peringkat ialah untuk meastikan bahawa syariah itu dapat disesuaikan dengan keadaan dan konteks yang ada.

Satu contoh yang baik dalam hal ini ialah mengenai pengharaman arak. Oleh kerana budaya minum arak sudah lama diamalkan oleh masyarakat Arab, adalah sukar untuk menuntut mereka meninggalkan tabiat berkenaan secara mendadak.<sup>13</sup> Atas dasar itu, wahyu pertama mengenai meminum arak hanya bersifat mengeji tabiat berkenaan sahaja.<sup>14</sup> Kemudian Allah taala melarang pula melakukan solat dalam keadaan

<sup>11</sup> Ibid.

<sup>12</sup> Lihat perbincangan mengenai kaedah ini dalam Jaluluddin Al-Suyuti, *Al-Asybah Wa Al-Nazair*, Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyah, Beirut, 1979, ms. 89.

<sup>13</sup> Yusuf Al-Qaradhawi, *Al-Khasais Al-'Ammah Li Al-Islam*, Maktabah Wahbah, Kaherah, 1977, ms.170-3.

<sup>14</sup> Al-Quran Al-Karim, An-Nahl: 68 dan Al-Baqarah: 219.

mabuk.<sup>15</sup> Ini mengakibatkan masa untuk minum arak menjadi terhad. Hanya setelah lima belas tahun setelah wahyu pertama diturunkan, arak diharamkan sepenuhnya.<sup>16</sup>

Pada tiga belas tahun pertama kerasulan, sebelum berlaku hijrah, kebanyakan wahyu membicarakan soal akidah dan akhlaq. Hal ini bersesuaian dengan keadaan umat Islam ketika itu yang lemah dan hidup dalam penindasan di Mekah. Kebanyakan pula wahyu yang membicarakan mengenai undang-undang jenayah dan komersial hanya berlaku setelah hijrah ke Madinah kerana pada ketika ini umat Islam sudah mempunyai kuasa politik yang membolehkan dan menuntut keadilan sosial ditegakkan.

## 2. Naskh (Pemansuhan) dalam Islam.

Sebahagian dari hukum Islam dimansuhkan disebabkan perubahan realiti. Pengharaman meminum arak yang dinyatakan di atas adalah satu contoh – wahyu awal yang hanya mencela perbuatan meminum dimansuhkan dengan wahyu yang melarangnya sama sekali.<sup>17</sup>

## 3. Anjuran agar mengamalkan Islam pada batas-batas kemampuan.

Allah taala berfirman yang bermaksud, “*Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya. Ia mendapat pahala (dari kebaikan) yang diusahakannya dan mendapat siksa (dari kejahanatan) yang dikerjakannya.*”<sup>18</sup>

“*Tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya...*” bermaksud Islam mengakui keterbatasan yang dihadapi oleh Muslim untuk mengamalkan agamanya dan manusia sememangnya tidak sempurna pada keupayaannya. Oleh itu, seorang Muslim hanya wajib untuk berusaha sebaik yang ia mampu dan tidak melampaui batas yang berlawanan dengan fikiran yang rasional. Ini sebenarnya adalah inti pati pada pemikiran kontekstual dalam Islam.

Menuntut manusia untuk menunaikan tanggungjawab agama melebihi dari kemampuannya bercanggah dengan prinsip keadilan, salah satu sifat utama Allah taala itu sendiri.

<sup>15</sup> Ibid, Al-Nisa': 43.

<sup>16</sup> Ibid, Al-Maidah: 90.

<sup>17</sup> Wahbah Al-Zuhaili, *Usul Al-Fiqh Al-Islami*, Dar Al-Fikr, Damsyik, 1986, vol.2, ms. 936-7.

<sup>18</sup> Al-Quran Al-Karim, Al-Baqarah: 286

#### 4. Wujudnya rukhsah<sup>19</sup> dalam syariah Islam.

Rukhsah ialah hukum pengecualian yang diberikan dari hukum asal (*azimah*) oleh syariah kepada seorang mukallaf disebabkan adanya kesulitan, mudarat atau sebab-sebab lain yang dinyatakan secara khusus oleh syara'.

Rukhsah merupakan satu dari sistem *check and balance* yang ada dalam syariah bagi memastikan ia dapat diamalkan dengan mudah dan selesa. Allah taala berfirman yang bermaksud, "Karena sesungguhnya sesudah kesulitan itu ada kemudahan."<sup>20</sup>

Pengharaman meminum arak dapat sekali lagi menjadi contoh aplikasi *rukhsah* iaitu walaupun arak pada asalnya haram diminum tetapi bagi seorang yang menderita sesuatu penyakit yang membahayakan nyawanya dan tidak mempunyai ubat yang dapat mengubati penyakit itu kecuali ubat yang mengandungi unsur-unsur dari arak seperti alkohol, maka hukum haram berkenaan menjadi harus bahkan boleh juga menjadi wajib ke atasnya.

*Rukhsah* disyariatkan untuk memberi keanjalan kepada Muslim dalam menghadapi perubahan konteks dalam hidupnya.

#### 5. Kaedah-kaedah fiqh

Terdapat pelbagai kaerah fiqh yang jika diteliti dengan mendalam akan didapati bahawa sifat Islam adalah mudah dan anjal dalam menghadapi pelbagai situasi dan realiti. Sebahagian dari contoh kaedah-kaedah berkenaan ialah:<sup>21</sup>

<sup>19</sup> Al-Syatibi, *Al-Muwafaqat*, Dar Al-Fikr, place not cited, date not cited, jld. 1, ms. 210.

<sup>20</sup> Al-Quran Al-Karim, Al-Insyirah: 5

<sup>21</sup> Setiap satu kaerah ini ada huraian mengenai dasarnya, kaerah penggunaannya dan pengecualian-pengecualian. Oleh kerana bukan tujuan kertas ini untuk membincangkan kaerah-kaerah ini, maka penerangannya tidak dapat disertakan. Adalah penting bagi sesiapa pun, untuk tidak hanya menggunakan kaerah-kaerah ini dengan hanya merujuk kepada erti literalnya sahaja. Kaerah-kaerah ini boleh dirujuk pada buku berikut:

- Jalaluddin Al-Suyuti, *Al-Asybah Wa Al-Nazair*, Dar Al-Kutub Al-'Ilmiah, Beirut, 1979.
- Yusuf Al-Qaradhwai, *Fi Fiqh Awlawiyat Dirasah Jadidah Fi Dhaw' Al-Quran Wa Al-Sunnah*, Maktabah Wahbah, Kaherah, 1995, ms. 28 – 30.
- Prof. Dr. Mukhtar Yahya & Prof. Drs Fatchurrahman, *Dasar-dasar Pembinaan Hukum Fiqh Islami*, PT Al-Maarif, Bandung, 1993.

- a. Apabila sesuatu urusan itu menjadi sempit, maka ia akan menjadi longgar.
- b. Dharurat itu mengharuskan yang dilarang.
- c. Mengutamakan maslahat yang diyakini atas maslahat yang disangkai.
- d. Mengutamakan maslahat besar atas maslahat kecil.
- e. Boleh menanggung mudarat yang lebih rendah untuk tolak yang lebih tinggi.
- f. Boleh menanggung mudarat yang khas untuk tolak mudarat yang umum.
- g. Kerosakan yang kecil dimaafkan kerana maslahat yang besar.

Kesimpulannya, penyesuaian fiqh pada keadaan yang berubah-ubah adalah satu keperluan kerana, masalah baru akan sentiasa timbul yang memerlukan penyelesaian, kesyumulan Islam dan rahmatnya untuk sekalian alam tidak akan terealisasi, tanpa penyesuaian fiqh dengan konteks semasa, kemungkinan akan menimbulkan kezaliman dan ketidakadilan.

Sheikh Al-Qaradhawi menulis;

*"Kita wajib memahami keadaan zaman yang sedang kita tempuh sekarang ini secara terperinci, benar dan mendalam kerana jika kita tidak mengerti dan tidak mengenal wajah zaman kini dengan sebenar dan mendalam maka akan mengakibatkan terjadinya perkara yang buruk seperti seorang pakar perubatan yang mencadangkan ubat yang mahal untuk seorang pesakit namun dia tidak melakukan pemeriksaan dan diagnosa yang teliti dan benar kepada pesakitnya terlebih dahulu. Boleh jadi ubat tersebut boleh menambah buruk keadaan si pesakit atau juga menyebabkan kematiannya."*<sup>22</sup>

### Jawapan Pada Kritikan

Sebagaimana gagasan-gagasan baru, gagasan Fiqh Muslim Minoriti juga tidak terlepas dari kritikan. Hal ini adalah satu perkara yang biasa dan bukan sesuatu yang negatif. Namun ia tidak bermakna kritikan yang dilontarkan tidak perlu dijawab. Atas dasar itu, bahagian ini cuba memberi penjelasan terhadap beberapa kritikan.

#### 1. Kritikan - Fiqh Muslim Minoriti adalah bid'ah yang dilarang.

Fiqh Minorii Muslim bukan satu bid'ah kerana kewujudan minoriti Muslim sudah ada sejak zaman Nabi s.a.w lagi.

---

<sup>22</sup> Yusuf Al-Qaradhawi, *Al-Thaqafah Al-Arabiyah Al-Islamiah Bayn Al-Asalah Wa Al-Mu'asirah*, terj. Ahmad Nuryadi Asmawi, Thinker's Library, Selangor, 1996, ms. 97-8.

Hakikatnya umat Islam bermula sebagai kelompok minoriti di Mekah. Selain itu, umat Islam juga wujud sebagai kelompok minoriti di Habsyah. Perlu diperjelaskan kewujudan umat Islam sebagai minoriti di Habsyah adalah sesuatu yang diperintahkan Nabi s.a.w. Apabila Nabi s.a.w memerintahkan sahabat-sahabatnya berhijrah ke Hasbyah, beliau sedar bahawa penguasa di sana adalah bukan Muslim dan para sahabatnya akan hidup berlindung sebagai minoriti di negara bukan Muslim.

Hakikat ini berterusan walaupun setelah Nabi s.a.w menubuhkan pemerintahannya di Madinah kerana para sahabat hanya meninggalkan Habsyah dan bergabung ke Madinah pada tahun keenam hijrah.

Jelas sekali ketika berada di Habsyah, para sahabat tidak memikul taklif agama yang sama dengan umat Islam di Madinah. Sebagai contoh mereka tidak berkewajiban untuk berjihad bersama Nabi s.a.w. Pastinya ada aspek-aspek lain yang membezakan taklif mereka dengan umat Islam di Madinah.

Tapi yang penting, pengamalan Fiqh Muslim Minoriti lebih bersifat menghidupkan tradisi yang telah lama hilang dan bukan mengadakan perkara baru dalam agama. Selain itu, hujah-hujah yang dinyatakan di atas juga mengukuhkan sandaran agama bagi Fiqh Muslim Minoriti.

## **2. *Fiqh Muslim Minoriti* satu usaha untuk mencairkan amalan agama, satu bentuk Islam Liberal.**

Fiqh Muslim Minoriti tidak perlu bersandar pada pemikiran liberal Barat atau menatijahkan pencairan amalan agama. Tradisi ilmu Islam adalah kaya. Dalam banyak hal, pendapat-pendapat ulama yang sedia ada dalam tradisi Islam yang pelbagai dan rencam memadai untuk digunakan bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Muslim minoriti.

Tambahan pula sumber utama hukum Islam – Al-Quran dan sunnah Nabi s.a.w – cukup anjal bagi menerima ijtihad baru dengan menggunakan kaedah-kaedah ijtihad tradisional dan tanpa bantuan dari pemikiran liberal. Hal ini adalah kerana telah diketahui umum bahawa nas-nas yang bersifat *qat'iyat* adalah sedikit berbanding dengan nas-nas yang bersifat *zanniyat* bagi membolehkan ijtihad baru dan kepelbagaiannya pendapat.

**3. Fiqh Muslim Minoriti menanam mentaliti minoriti dalam minda umat Islam.**

Fiqh Muslim Minoriti bukan bertujuan untuk mensosialisasikan atau membiasakan umat

Islam dengan minda minoriti yang dikaitkan dengan *inferiority complex*. Ia hanya pengakuan bahawa sebagai minoriti terdapat hambatan-hambatan tertentu yang perlu diambil kira dalam merangka hukum. Ia bukan bertujuan untuk menghalang Muslim dari bervisi besar, iaitu berusaha keras untuk mengubah keadaan hingga menjadi kuat,d dan berpengaruh dalam pelbagai sudut atau, satu masa nanti, menjadi majoriti di negara berkenaan.

Perlu dipertegaskan terdapat banyak kelompok minoriti tetapi mereka bukan dalam keadaan lemah, sebaliknya amat berpengaruh di merata tempat di dunia seperti kaum Yahudi di pelbagai negara Barat, kaum India di Fiji dan kaum Cina di Malaysia dan Indonesia.

Ertinya perspektif minoriti bermakna lemah atau terpinggir, tidaklah benar dan tepat.

## Penutup

Gagasan Fiqh Muslim Minoriti hanyalah satu ijihad manusia yang boleh salah dan betul. Atas dasar itu, tidak salah bagi sesiapa untuk tidak bersetuju dengannya. Namun, ia bukanlah satu gagasan yang pada dasarnya menyesatkan atau terkeluar dari agama kerana ia mempunyai sandaran dan hujah-hujah agama yang kuat juga. Tambahan pula ia dipelopori oleh ramai ulama yang berwibawa.

Sebagai satu ijihad juga, gagasan ini boleh berubah bentuk atau diketepikan apabila ada alternatif yang lebih baik. Oleh itu, tidak perlu pula bersikap fanatik dengannya. Ia bukan satu-satunya lensa atau wasilah berguna untuk nilai dan hurai masalah Muslim minoriti. Atas dasar itu juga, perlu pada sikap hormat pada perspektif lain.

Yang lebih penting ialah perlu iktiraf bahawa pertimbangan konteks penting dalam pembuatan hukum. Status minoriti hanya salah satu faktor pertimbangan. Andaikan faktor minoriti tidak digunakan atau menjadi tidak penting, pembuatan hukum fiqh tetap perlu akur pengaruh konteks, iaitu ambil kira faktor-faktor lain.

Mengontekstualkan amalan dan hukum Islam bukan juga satu rekaan baru. Ia ada akar pada tradisi ilmu Islam dan ada sandaran yang kuat.

Pertimbangan inilah yang konstan, bukan soal minoriti. Sebab itulah ada gagasan membangun fiqh Malaysia dan fiqh Indonesia di kalangan sarjana dan ulama negara-negara itu, walau pun umat Islam adalah majoriti kerana kemungkin ada faktor-faktor unik yang lain.<sup>23</sup> Di samping itu, Islam tidak semestinya diamalkan berdasarkan "selera" Arab atau Timur Tengah.

Atas semangat yang sama, pembangunan fiqh kontemporari versi Singapura juga satu keperluan. Yang menjadi isu ialah samada faktor minoriti menjadi faktor utama pertimbangan.

*Wallahu A'alam.*

<sup>23</sup> Lihat Paizah Hj. Ismail & Ridzwan Ahmad (eds.), *Fiqh Malaysia: Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*, Akademi Pengajian Islam dan Al-Baian Corp., Sungai Buloh, 2000; H. Kusdar, "Dinamika Fiqh Di Indonesia (Telaah Historis Lahirnya Fiqh Keindonesiaan)", *Mazahib*, vol. IV, no. 2, December, 2007, pp. 117-31.

## Pengenalan Ringkas Pembentang Kertas Kerja

**Muhammad Haniff Hassan**, seorang warga Singapura, bertugas sebagai Zamil di Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam, Universiti Teknologi Nanyang.

Beliau memegang ijazah Doktor Falsafah (Pengajian Strategik) dari sekolah di mana beliau bertugas sekarang ini.

Pendidikan awalnya ialah di Madrasah Al-Arabiyyah Al-Islamiyah dan kemudian di Aljunied Al-Islamiyah di Singapura.

Setelah itu, beliau melanjutkan pelajarannya di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dan memperoleh ijazah sarjana pertama dengan kepujian dalam Shar'iah dan Undang-undang.

Beliau turut aktif dalam berbagai kerja sosial dan dakwah sebagai:

- anggota Majlis Rayuan Syariah di bawah Majlis Ugama Islam Singapura
- ahli Persatuan Ulama dan Guru-guru Agama Singapura (PERGAS)
- anggota Jawatankuasa Pengurusan Madrasah Al-Irsyad Al-Islamiyah
- anggota Jawatankuasa Penasihat Filem Politik di bawah Penguasa Pembangunan Media Singapura.

Beliau telah banyak menyumbang bahan tulisan di suratkhabar Berita Harian dan artikel-artikelnya juga diterbitkan oleh suratkhabar berbahasa Inggeris The Straits Times.

Sehingga kini beliau telah menerbitkan buku-buku bertajuk:

- Pandangan Umum Islam Terhadap Kesihatan dan Perubatan (2001)
- Pesanan Perjuangan (2002)
- Muslim...Moderat...Warga Singapura (2003)
- Fiqh Dakwah Dalam Al-Quran (2004)
- Unlicensed to Kill: Countering Imam Samudra's Justification for the Bali Bombing (2006) yang telah diterjemahkan ke bahasa Melayu dan Indonesia
- Fiqh Minoriti Muslim: Dari Perspektif Dua Ulama Kontemporari (terjemahan, 2008)
- Kritikan Dari Dalam Terhadap Ideologi Al-Qaeda (terjemahan, 2012)
- The Father of Jihad: 'Abd Allah 'Azzam's Jihad Ideas and Implications to National Security (2014).

Beliau juga bertanggungjawab membantu penerbitan:

- Noktah Hitam: Ajaran Sesat Di Singapura (2001) untuk Majlis Ugama Islam Singapura
- Kesederhanaan Dalam Islam Mengikut Konteks Masyarakat Islam Singapura (2004) untuk PERGAS.

Beliau mempunyai halaman web peribadi di [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg).



ANJURAN

SEBUAH SIRI PROGRAM

DIALOG  
*Ummah*  
SYUKRAN INTERNATIONAL